

UM 1988

PM mahu kerjasama erat antara kaum kekalkan keamanan

KUALA LUMPUR 10 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu kerjasama erat antara kaum khususnya golongan perniagaan ke arah mengekalkan keamanan yang dapat mewujudkan iklim yang baik untuk perniagaan.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menegaskan jika usahawan dan para peniaga mengalami kebankrapan ia akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Berucap di majlis jamuan malam tahunan ke-41 Gabungan Dewan - Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (GDDPPCM) di salah sebuah hotel terkemuka di sini malam ini, beliau berkata, kerajaan tidak mahu melihat para peniaga menderita akibat kemelesetan ekonomi, kalau boleh mahu mereka merentangi masalah tersebut.

"Sekiranya mereka bankrap, negara akan rugi kehilangan para peniaga yang mempunyai skil tinggi bagi menolong membangunkan ekonomi negara," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian para usahawan Cina perlu sama-sama berkongsi skil dan ilmu perniagaan yang mereka warisi dengan rakan-rakan mereka yang terdiri dari golongan Melayu dan India.

Menurutnya, perkara ini akan dapat menghilangkan perasaan perkauman yang secara tidak langsung membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan pemulihan yang agak baik. Tahun lalu kerajaan menganggarkan pertumbuhan ekonomi sebanyak dua peratus tetapi sebenarnya meningkat 4.7 peratus.

Ini, kata Perdana Menteri merupakan satu kali ganda lebih yang dijangka oleh kerajaan.

Beliau juga memberitahu dasar kerajaan bukan semata-mata untuk kepentingan bumiputera tetapi untuk semua kaum.

Mengenai masalah aliran wang tunai yang dihadapi oleh GDDPPCM, beliau berkata, kerajaan akan cuba mengatasi masalah itu dengan mengadakan rundingan dengan Bank Negara.